

12 APR 2002

Hasmah-Cacat

ANAK CACAT HARUS DIHANTAR KE PUSAT PEMULIHAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meminta ibu bapa menghantar anak-anak mereka yang kurang upaya ke pusat-pusat pemulihan orang cacat bagi membantu meringankan beban mereka.

Beliau berkata masih ada ibu bapa yang segan menghantar anak-anak ke pusat pemulihan walaupun kerajaan dan badan-badan sukarela menyediakan pelbagai kemudahan termasuk latihan bagi membantu orang kurang upaya mengecapi kehidupan lebih baik.

"Pihak-pihak terbabit dengan pusat-pusat pemulihan pula harus berusaha memberi kesedaran kepada ibu bapa supaya tidak mempunyai sikap sedemikian," katanya semasa berucap dalam lawatan ke Yayasan Pemulihan Orang Cacat di Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Dr Siti Hasmah mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan sehari ke Kelantan hari ini.

Dr Siti Hasmah berkata di Kelantan, terdapat 9,245 orang kurang upaya berdaftar termasuk 762 orang yang cacat anggota, 730 (cacat akal), 322 (cacat pendengaran) dan 210 (cacat penglihatan).

"Saya yakin masih ramai lagi mereka yang kurang upaya belum berdaftar di negeri ini," katanya.

Beliau berkata terdapat 19 pusat yang disertai 357 kanak-kanak cacat dalam komuniti di Kelantan yang terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dr Siti Hasmah berkata kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat menyalurkan bantuan purata RM13,000 setahun kepada pusat-pusat itu untuk membiayai elaun guru dan peralatan.

Selain itu, sebanyak RM30,000 setahun diperuntukkan bagi memberi bantuan ortopedik iaitu kaki palsu, tangan palsu, alat pendengaran dan kerusi roda kepada yang sangat memerlukan.

Katanya kerajaan Persekutuan juga memberikan bantuan sebanyak RM200 sebulan sebagai elaun pekerja cacat kepada 592 orang kurang upaya di Kelantan.

Dr Siti Hasmah juga gembira kerana ada pertubuhan bukan kerajaan yang sanggup memikul tanggungjawab untuk sama-sama membantu golongan berkenaan menjalani hidup dengan lebih sempurna.

Di TUMPAT, Dr Siti Hasmah menyampaikan wang tunai berjumlah RM44,450 kepada warga tua dan anak-anak yatim Yayasan Darul Hanan di sini.

Semasa berucap pada majlis itu, beliau berharap lebih ramai penderma tampil memberi sumbangan kepada warga tua dan anak-anak yatim.

Seramai 93 warga tua menghuni Yayasan Darul Hanan.

Turut hadir ialah Pengerusi yayasan itu, Datuk Dasuki Ahmad, yang juga setiausaha politik Perdana Menteri.

--BERNAMA

WM MNR BD NAK